



03 OCT, 2019

## Upah asas penjawat awam lebih tinggi

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2

# Upah asas penjawat awam lebih tinggi

**PUTRAJAYA** – Kadar upah asas bagi pekerja dalam perkhidmatan awam didapati lebih tinggi berbanding sektor swasta bagi tempoh September 2016 hingga Disember 2018, kata Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar.

Menurutnya, dalam tinjauan bagi tempoh sepuluh suku tahunan antara September 2016 dan Disember 2018 itu, kadar upah asas bagi sektor awam sebanyak 11.2 peratus berbanding swasta 10.5 peratus.

“Untuk suku ketiga 2018 hingga suku keempat 2018 sahaja, peratusan peningkatan upah asas sektor awam adalah sebanyak 1.5 peratus berbanding 0.7 peratus di pihak swasta,” katanya pada sidang akhbar berhubung Indeks Gaji Kebangsaan yang dihasilkan oleh Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh di sini semalam.

Mahfuz berkata, hanya tiga bidang pekerjaan sektor swasta iaitu profesional; jualan dan perkhidmatan serta pekerja pengeluaran



**PENJAWAT** awam menerima kadar upah asas yang lebih tinggi berbanding pekerja sektor swasta. – Gambar hiasan

yang menerima kadar upah lebih tinggi berbanding sektor awam.

“Bidang kerja selaku pengurus restoran dan penyelia projek pembinaan merupakan antara 10 pekerjaan yang merekodkan kenaikan upah asas paling perlahan iaitu -0.5 peratus.

“Ia disebabkan oleh bidang kerja itu diisi oleh pekerja baharu dan

tidak berpengalaman yang tentunya dibayar dengan kadar upah rendah,” ujarnya.

Bagi tempoh sama, pekerja dalam sektor kewangan atau spesifiknya penganalisis kewangan merupakan antara 10 bidang kerja yang menerima peningkatan upah yang tinggi iaitu sebanyak 31.8 peratus. – Bernama



03 OCT, 2019

## Upah asas penjawat awam lebih tinggi

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

PUTRAJAYA - Kadar upah asas bagi pekerja dalam perkhidmatan awam didapati lebih tinggi berbanding sektor swasta bagi tempoh September 2016 hingga Disember 2018, kata Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar. Menurutnya, dalam tinjauan bagi tempoh sepuluh suku tahunan antara September 2016 dan Disember 2018 itu, kadar upah asas bagi sektor awam sebanyak 11.2 peratus berbanding swasta 10.5 peratus.